

Duta AS nafi TPPA penjajahan bentuk baru
Malaysian Insider
Sept 18 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Joseph Y Yun menafikan dakwaan Perjanjian Perkongsian Tran-Pasifik (TPPA) adalah penjajahan bentuk baru negara itu, sebaliknya menegaskan Malaysia antara negara yang akan beroleh manfaat lebih banyak antara 12 negara terlibat dalam rundingan berkenaan.

Yun berkata, setiap negara terlibat dalam rundingan itu mempunyai kebimbangan mereka, namun rkata TPPA adalah peluang untuk meningkatkan pelaburan.

"Kamu rasa ia benar?" soalnya, ketika ditanya mengenai sesetengah pihak di negara ini yang membantah penyertaan Malaysia dalam perjanjian berkenaan.

"Ia peluang meningkatkan peluang pekerjaan dan pelaburan. Ada kajian yang menunjukkan Malaysia dan Vietnam adalah negara yang paling banyak memperolehi manfaat daripada TPPA," katanya kepada pemberita ketika sidang media di Kedutaan Amerika Syarikat, di Kuala Lumpur, hari ini.

"Ia bukan agenda politik. Ia menjurus kepada masa hadapan," katanya.

Yun dipilih menjadi Duta Besar ke Malaysia apabila Presiden AS, Barack Obama mencalonkannya pada 23 Julai, dan disahkan Senat AS pada 1 Ogos lalu.

Putrajaya sebelum ini memutuskan untuk tidak akan menandatangani perjanjian perdagangan kontroversi berkenaan ketika lawatan Obama ke Malaysia pada Oktober depan.

Yun bagaimanapun dalam sidang media berkenaan berkata, beliau percaya perbincangan mengenai TPPA akan berlangsung di Bali, Indonesia ketika lawatan Obama ke rantau ini.

"Saya rasa kemuncak perbincangan ini akan diadakan di Bali," katanya.

Ketika ditanya mengenai pendirian Putrajaya untuk tidak akan menandatangani perjanjian berkenaan tahun ini, Yun berkata, beliau memahami wujudnya beberapa isu berhubung perjanjian berkenaan yang bukan sahaja dihadapi Malaysia, bahkan beberapa negara lain.

"Saya mengharapkan segalanya berjalan lancar, kita akan cuba capai kata sepakat," katanya.

Peningkatan kritikan dan penolakan keras beberapa badan bukan kerajaan termasuk Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) terhadap TPPA menyebabkan Putrajaya mengambil keputusan untuk menangguhkan sebarang keputusan muktamad sehingga selesai dua analisis kos manfaat terhadap kesan kepada kebajikan nasional dan industri kecil dan sederhana Bumiputera akibat rundingan itu. – 18 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/duta-as-nafi-tppa-penjajahan-bentuk-b>

aru